

## ***BAB KEDUA***

## BAB KEDUA: AL-QIRĀ'ĀT

### 2.1 Asal-usul Al-Qirā'āt

Al Qirā'āt merupakan salah satu ilmu yang membicarakan tentang Al-Qur'ān, seperti ilmu Tajwid, Tafsir dan lain-lain lagi. Ilmu ini hanya membincangkan tentang cara-cara bacaan dan pertuturan setiap perkataan yang terdapat di dalam Al-Qur'ān.

Ilimu ini bukanlah satu ilmu yang baru bagi masyarakat Islam, tetapi ianya telahpun wujud sejak di zaman Nabi Muhammad s.a.w lagi. Dalilnya ialah Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda di dalam hadith sahih yang diriwayatkan oleh 'Umar ibn Al-Khaṭṭāb

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَلَا قُرْآنٌ وَّا مَا تَسْرِمُنَّهُ

( Sahih Al-Bukhāriy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms 228 / Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms 99 / Tuhfat Al-Ahwadhiy Bisyarh Jami' Al-Tarmidhiy, 1967 M/ 1387 H, Jilid 8, ms 266 / Syarh Al-Sunnat, 1983 M / 1403H, Jilid 4, ms . 502 )

Ertinya. Sesungguhnya Al-Qur'ān itu diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah oleh kamu mana yang mudah di antaranya

Dalil yang kedua pula daripada Imam Bukhāriy dan Muslim. Dalam Kitab tersebut mereka telah meriwayatkan hadith daripada Ibn 'Abbas : ia bahawa ia berkata Rasullah s.a.w telah bersabda

أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَى حِرْفٍ فَرَاجَعْتُهُ فَلَمْ أَزِلْ أَسْتَرِيدُهُ

وَبِزِيَّدِنِي حَتَّى لَنْتَهِي إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

( Sahih Al-Bukhariy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms 227 / Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms 101 / Syarh Al-Sunnat, 1983 M / 1403 H, Jilid 4, ms 501)

*Ertinya: Jibril a.s telah membacakan Al-Qur'an kepadaku dengan satu huruf, kemudian aku mengulanginya. (Setelah itu) sentiasa aku meminta tambahan dan ia pun menambahiku sampai tujuh huruf.*

Daripada kedua-dua hadith yang tersebut di atas tadi, dapatlah difahamkan bahawa ilmu Qirā'at ini adalah berasaskan kepada sunnah Rasullah s.a.w dan Ijmak para sahabat r.a.

Ilmu ini sangat penting kepada umat Islam kerana ianya mempunyai faedah yang sangat luas. Melaluiinya Al-Qur'an dapat dipelihara daripada sebarang penyelewengan atau kesalahan membaca serta perubahan yang berlaku. Al-Qirā'at juga merupakan hujjah bagi ulamak-ulamak fikah mengeluarkan hukum dan tunjuk ajar kepada kaum Muslimin.

Tujuan ilmu ini ialah untuk mengetahui segala bentuk bacaan Al-Qur'an yang dibaca oleh setiap Imam Qurra'. Mereka yang mengetahui tentang bacaan Al-Qur'an dan periyawatnya secara musyafahat\_ dipanggil Al-Muqri yang bererti bahawa kalau seseorang Qari itu hanya menghafaz Kitab Al-Taysir, ia belum lagi boleh dinamakan Muqri'. Jika ia tidak menerima ilmu ini secara musyafahat\_ dan urutan secara mutawatir kerana Al-Qirā'at mempunyai syarat pokok yang khas, yakni ia mesti diambil secara mulut ke mulut dan pendengaran "musyafahat\_ dan sama'." ( Muhammad bin Muhammad bin Al-Jazariy, 1977M / 1397H, ms : 61 )

Ada ulamak berpendapat bahawa Al-Qur'an dan Al-Qirā'at adalah dua perkara yang berlainan. Ini adalah pendapat Al-Zarkasyiy di dalam

kitabnya Al-Burhan Fi 'Ulum Al-Qur'an , jld. 1, ms: 318 katanya bahawa Al-Qur'an itu ialah wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk maksud Bayan dan 'Ijaz . Al-Qirā'at pula ialah perbezaan atau perselisihan para Qurra' tentang sebutan lafaz wahyu tersebut dari segi huruf dan bentuk atau kedudukan huruf dari bacaan cara takhfif ( تخفيف ) kepada tasydid ( تشدید ) yang diterima melalui Al - Musyafahat Wa Al- Sama' ( المشافهة والسماع ).

Pandangan di atas tadi telah ditentang oleh Dr. Muhammad Salim Muhaysan di dalam bukunya: Al-Qirā'at wa Atharuhā Fi 'Ulum Al-'Arabiyyat, ms : 10. katanya bahawa Al-Qur'an dan Al-Qirā'at itu adalah dua perkara yang sama maknanya, berdasarkan kesimpulan yang jelas tentang definasi tiap-tiap satunya daripada hadith sahih yang menyebut turunnya Qirā'at dan Al-Qur'an adalah daripada punca yang sama. Kedua-dua perkataan tersebut berasal daripada kata dasar yang sama iaitu " Qara'a ". Dengan itu kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama. Sehubungan dengan ini terdapat dalil yang menunjukkan penurunan Al-Qirā'at, di antaranya hadith Mutawatir dari Rasulullah s.a.w menunjukkan Al-Qur'an diturunkan atas tujuh huruf.

نزل القرآن على سبعة أحرف أيها قرأت اصبت

ertiinya : Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf, mana satu huruf yang engkau baca adalah dikira benar. ( Al-Musnad Lil Imam Al-Hafiz Al-Kabir Abi Bakr Abdullah bin Al-Zubayr Al-Hamidiy, Tanpa Tarikh, Jilid 1, ms : 163 )

Para sahabat baginda Rasulullah s.a.w terdiri daripada 22 orang itu iaitu Ubay bin Ka'b, Anas, Hudhaifat bin Al-Yaman, Zaid bin Arqam, Samurat bin Jundub, Sulayman bin Surad, Abdullah bin Abbas,

Abdullah bin Mas'ud, Abdul Rahman bin 'Awf, 'Uthmān bin 'Affān, 'Umar bin Al-Khattāb, 'Amru bin Abi Salamat, 'Amru bin Al-'Āṣ, Mu'adh bin Jabal, Hisyam ibn Hakim, Abi Bakrat, Abi Juhaym, Abi Sa'id Al-Khudariy, Abi Talhat Al-Ansari, Abi Hurairat, 'Ali bin Abi Talib dan 'Ummu Ayyub ( Al-Sayuti, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman, 1967M / 1387H, Jilid 1, ms : 131 ). Mereka telah meriwayatkan hadith tersebut daripada Rasullah s.a.w samada secara lansung atau perantaraan sahabat-sahabat. Di samping itu terdapat beberapa hadith yang menunjukkan bahawa Qirā'at Al-Qur'ān itu semuanya adalah Kalam Allah dan tidak terdapat campur tangan manusia di dalamnya. Semuanya diturunkan ke atas Rasulnya s.a.w dan dinukilkhan daripada Baginda s.a.w tanpa sebarang cacat dan tanpa sebarang perubahan hingga sampai kepada kita hingga ke hari ini.

Abu Ya'la telah meriwayatkan di dalam musnadnya bahawa Saidina 'Uthmān r.a pernah pada suatu hari berkata di atas mimbar: Aku mengingati Allah akan seorang lelaki yang pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ الْقُرْآنَ أُنزِلَ عَلَى سَبْعَةِ حُرُوفٍ كُلُّهَا شَافِ كَافٌ، لَمْ يَقُمْ  
فَقَامُوا حَتَّى لَمْ يَحْصُوْا، فَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ الْقُرْآنَ  
عَلَى سَبْعَةِ حُرُوفٍ كُلُّهَا شَافِ كَافٌ . فَقَالَ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: وَأَنَا أَشْهُدُ مَعْهُمْ .

( Al-Sayuti, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman, 1967M/1387H, Jilid 1, ms: 131 / Muhammad 'Ali Al-Šabūniy 1981M/1401H, ms : 211)

*Ertinya: Sesungguhnya Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf, kesemuanya jelas dan sempurna, apabila orang itu bangun, ramai para hadirin ikut bangun hingga tidak terkira banyaknya. Mereka bersaksi di atas perkara itu, maka Saidina 'Uthmān pun berkata: Saya turut bersaksi bersama mereka.*

D. antara hikmah Al-Qur'an ini diturunkan dengan tujuh huruf adalah untuk memberi keringanan, kemudahan dan kesenangan kepada umat Islam sekalian khasnya umat Arab yang terdiri daripada berbagai-bagai qabilah serta berlainan dialek antara satu qabilah dengan qabilah yang lain. Adalah menjadi susah sekiranya Al-Qur'an itu diturunkan dengan satu Lahjat atau dialek sahaja ( Ibn Al-Jazariy, 1961 M / 1381 H, ms : 59 ). Ini dapat difahamkan daripada hadith Rasulullah s.a.w yang telah diriwayatkan oleh Ubay bin Ka'b r.a katanya:

لَقِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَبْرِيلَ ،  
فَقَالَ إِنِّي بَعَثْتُ إِلَيْكُمْ أَمَّةً أَمْبَيْنَ مِنْهُمْ الْعَجَزُ وَالشِّيخُ الْكَبِيرُ وَالْغَلَامُ وَالْجَارِيَةُ  
وَالرَّجُلُ الَّذِي لَمْ يَقْرَأْ كِتَابًا قَطُّ، قَالَ: يَا مُحَمَّدُ إِنَّ الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

*Ertinya: Rasulullah s.a.w berjumpa dengan Jibra'il, Rasulullah s.a.w berkata : Wahai Jibra'il bahawa aku ini diutuskan kepada umat yang ummi (tidak tahu menulis dan membaca), di antaranya, adalah nenek-nenek yang tua, kanak-kanak,hamba perempuan dan orang yang tidak tahu membaca sesuatu, Jibra'il menjawab: Wahai Muhammad s.a.w sesungguhnya Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf. ( Tuhfat Al-Ahwadhiy Bisyarh Jami' Al-Tarmidhiy, 1967M/1387H, Jilid 8, ms : 263 - 264 / Syarh Al-Sunnat, 1983 M / 1403 H, Jilid 4, ms : 508 )*

Jadi ketujuh-tujuh wajah / huruf tersebut di atas merangkumi seluruh perbezaan yang terdapat di dalam Qirā'at, tetapi harus difahamkan pula bahawa tidaklah semestinya wujudnya tujuh Lahjat (dialek) itu dalam lafaz yang satu. Kadang-kadang boleh jadi dalam satu perkataan itu terdapat dua wajah atau lebih, demikianlah seterusnya

## 2.2 Definasi Al-Qirā'at

Al-Qirā'at dari segi bahasa berasal daripada kata jamakdari perkataan Qirā'at (قراءة) yang bererti " bacaan ", dan Qirā'at ialah nama terbitan (مصدر) bagi kata kerja Qara'a (قرأ) dalam kata lampau (ال فعل المضارع ) ( Manna' Al-Qaṭṭan, 1981 M / 1401 H, ms : 147 ) dan Yaqra'u (يقرأ) dalam kata kini ( الفعل المضارع ), yang bererti dari segi bahasa " membaca ", qara'a (قرأ) bermakna " tala " ( تلا ) iaitu baca, Al-Qirā'at dari segi istilah mempunyai beberapa takrif atau definasi di antaranya :

- i) Satu ilmu yang membicarakan tentang cara-cara menyebut kalimah Al-Qur'ān serta berlainan sebutannya di antara satu perawi dengan perawi yang lain. Ini adalah pendapat Dr. Muhammad Salim Muhsaysan dalam bukunya Al- Muqtabs Min Al-Lahajat Al-'Arabiyyat Wa Al-Qur'āniyyat, m.s: 66.
- ii) Menurut pendapat Dr. Mohd. Samir Al-Labdiy di dalam bukunya " Athar Al-Qira'at Fi Al-naḥwiy Al-'Arabiy " ms : 309, Al-Qirā'at ialah bentuk-bentuk bahasa dan suara yang telah diharuskan oleh Allah s.w.t dalam membaca Al-Qur'ān sebagai memudah dan menyenangkan terhadap hambanya.
- iii) Dr. Abdul Hadi Al - Fadli berpendapat di dalam bukunya " Al - Qirā'at Al - Qur'āniyyat Tarikh wa Ta'rif " m.s 55 dengan katanya : Al - Zarkasyiy telah mentakrifkan atau mendefinisikan perkataan Al-Qirā'at sebagai cara - cara menyebut lafaz-lafaz wahyu yang berlainan dalam

konteks - konteks huruf dari segi nipis ( تخفيف ) dan tasyidinya ( تشديد ).

iv) Al-Qira'at ialah cara bacaan dan tuturan setiap perkataan di dalam Al - Qur'an dari segi takhfif ( تخفيف ) dan tasyid ( تشديد ) dan berlainan lafaz wahyu dari segi huruf-hurufnya di sisi qurra' tetapi ia mesti mengikut kaedah tata bahasa Arab, sanadnya berkaitan dan bersambung-sambung ( mutawatir ), serta bersesuaian dengan tulisan mushaf 'Uthmāni r.a dan thabit secara ijmak pada nukilan kitab suci Al-Qur'an. Ini di sebabkan Al-Qur'an dinukilkan kepada kita dengan lafaz dan nasnya secara mutawatir sapertimana yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada junjungan kita Nabi Muhammmad s.a.w melalui malaikat Jibril a.s. ( Muhammad Salim Muhaysan ( Dr ), 1984 M / 1404 H, Jilid 1, ms : 9 )

v. Ibn Al-Jazariy telah mendefinisikan Al-Qira'at sebagai ilmu untuk mengetahui cara-cara menutur perkataan Al-Qur'an dan perubahan yang berkaitan daripada takhfif kepada tasyid, juga mengenai perbezaan bentuk huruf serta lafaz-lafaz wahyunya. ( Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azīm , tanpa tarikh, Jilid 1,ms : 405 )

Pokok perbahasan ilmu ini ialah mengenai perkataan-perkataan, ayat-ayat Al-Qur'an yang ditekan dari sudut pembacaannya seperti :-

- i) Mad ( مد ) yakni membaca perkataan dengan panjang saperti qāla ( يقول ).
- ii. Qasr ( قصر ) iaitu membaca atau menyebut perkataan dengan pendek, contohnya Maliki ( ملك )

iii. **Naql** (نَقلٌ) ialah memindahkan baris huruf seperti yaqwulu (يَقُولُ) dipindah baris ḍammah pada huruf wau (وَ) kepada huruf qaf (قَ) berbaris sukun dan baris sukun pada qaf dipindahkan kepada wau menjadi (يَقُولُ).

Tempat ambilan ilmu ini adalah berasaskan kepada sunnah Rasulullah s.a.w dan **ijmak** para sahabat r.a, dan matlamat ilmu ini juga ialah untuk mengetahui segala bentuk bacaan Al-Qur'ān yang dibaca oleh setiap imam qurra'.

### **2.3. Sejarah Pertumbuhan Al-Qirā'at, Pembukuannya, Jenis-Jenisnya Dan Rukunnya.**

#### **2.3.1 Sejarah Pertumbuhan Al-Qirā'at.**

Bangsa Arab terdiri daripada berbagai-bagai suku bangsa atau qabilah. Tempat tinggal mereka di tanah tandus padang pasir dan hidup mereka secara berkelompok yang berjauhan di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain. Bahasa rasmi mereka ialah bahasa Arab. Setiap qabilah itu mempunyai dialek yang berbeza-beza di antara mereka. Di antara dialek-dialek yang ada itu, dialek Quraysylah yang paling tinggi mutunya serta paling banyak dipergunakan orang.

Sahabat-sahabat nabi terdiri daripada berbagai-bagai qabilah yang masing-masing mempunyai dialeknya tersendiri, berlainan di antara satu dengan yang lain. Untuk memaksa mereka membaca Al-Qur'ān dengan dialek yang tidak lazim atau pernah mereka gunakan atau

menguasainya adalah satu hal yang menyulitkan. Mengubah dialek yang sudah terbiasa bukanlah satu perkara yang senang.

Sapertimana yang telah kita ketahui bahawa Al-Qur'an telah pun diturunkan kepada Nabi kita Muhammad s.a.w secara beransur-ansur selama dua puluh tiga tahun. Wahyu dari Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w adalah mengikut keadaan berlaku, samada bentuk menjawab pertanyaan-pertanyaan, memberi penjelasan atau menetapkan sesuatu hukum. Jadi selama itulah para sahabat sentiasa berada dalam majlis Nabi Muhammad s.a.w mendengar dan menulis wahyu yang diturunkan kepada baginda s.a.w. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari Al-Qur'an dari Rasulullah s.a.w huruf demi huruf, letak barisnya, tajwidnya dan lain-lain, sehingga tidak suatupun yang tertinggal daripada sebesar perkara hingga sekecil-kecilnya. Ada di antara para sahabat yang menghafaz separuh daripada Al-Qur'an dan ada juga di antara mereka yang menghafaz keseluruhannya samada mereka itu dari golongan Muhajirin atau Ansar.

Sebaliknya para sahabat r.a pula membacanya tidak sama bentuk bacaan yang mereka pelajari daripada Rasulullah s.a.w. Ada di antara mereka itu membaca Al-Qur'an dengan satu atau dua cara bacaan. Ada pula yang mengambil lebih daripada itu. Para sahabat ini kemudiannya pun berpindah ke merata-rata tempat dengan membawa cara bentuk bacaan masing-masing. Mereka mengajar para tabi'in dan bagitu juga para tabi'in mengajar para tabi'in al-tabi'in dan seterusnya sampai kepada golongan-golongan Imam Qurra' ( Sya'ban Muhammad Ismail ( Dr ), 1402 H , ms : 57 / Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azīm, tanpa tarikh , jld. 1, ms : 413 ). Para Qurra' pula

menyibarkannya kepada orang lain termasuklah juga tokoh-tokoh bahasa. Para ulamak menerima Qirā'āt dengan sebulat suara tanpa tentangan. Maka dari sinilah bermulanya asal usul pertumbuhan ilmu Qirā'āt itu.

Para Qurra' bertambah ramai dari masa ke semasa dan mereka menjelajah ke negara-negara Islam untuk mengajar dan menyibarkan ilmu Qirā'āt ini kepada umat Islam. Akhirnya ilmu ini dipelajari oleh ramai orang lalu turun dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Ada di antara mereka mempelajari ilmu tersebut secara mendalam supaya mereka benar-benar mahir dalam semua sudut tentang ilmu Qirā'āt. Ada juga di kalangan mereka yang mempelajari hanya sekadar mengenal sahaja. Sehubungan dengan ini maka timbulah perselisihan pendapat kerana kurang tepat kefahaman mengenainya. Oleh itu ia diikuti pula dengan perbincangan dan perbahasan secara meluas. Hasil daripada ini, maka wujud pula segolongan ulamak dan tokoh-tokoh Qirā'āt yang berusaha dengan bersungguh-sungguh ke arah mengumpul huruf-huruf dan Qirā'āt serta memperbaiki kesilapan dan kesalahan yang telah berlaku. Akhirnya hasil daripada kesungguhan dan usaha tersebut mereka dapat membezakan tentang Qirā'āt yang masyhur, shadh, sahih atau yang palsu serta meletakkan garis-garis panduannya.

Sehingga hari ini, ilmu Al-Qirā'āt ini telah menjadi suatu bidang yang sentiasa dikaji, dipelajari dan ditulis serta diriwayatkan di pelbagai peringkat dan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Para ulamak telah berselisih pendapat tentang di mana mulanya turun Al-Qirā'āt ini samada di Mekah atau di Madinah? Di dalam hal ini, para ulamak telah berpecah kepada dua golongan : -

### **Golongan Pertama :**

Mereka berpendapat bahawa Al-Qirā'āt ini turun di Mekah sejak permulaan penurunan Al-Qur'ān lagi, dan dalil mereka ialah bahawa kebanyakan surah-surah Al-Qur'ān yang diturunkan di Mekah terdapat bacaan Qirā'āt di dalamnya, inilah bukti yang mengatakan bahawa Al-Qirā'āt itu turun di Mekah.

### **Golongan kedua :**

Ulamak di dalam golongan ini pula berpendapat bahawa Al-Qirā'āt ini di turunkan di Madinah selepas penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah. Di samping itu ramai orang memeluk agama Islam yang mana mereka ini kesemuanya menggunakan berbagai-bagai bahasa dan dialek yang berlainan di antara satu sama lain. Maka ini merupakan kerahmatan, kemudahan dan kesenangan daripada Ilahi terhadap umat Islam agar mereka dapat membaca Al-Qur'ān dengan tujuh huruf.

Menurut pendapat Dr. Sya'bān Muhammmad Ismail di dalam bukunya " **Al-Qira'at Ahkamuha Wa Masdaruhā** " ms : 58, menyokong golongan yang kedua ini dengan mengatakan bahawa pendapat yang kedua ini adalah pendapat yang kuat, dan disokong pula dengan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitabnya :

عن أبي بن كعب رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم كان عند ( أضاءة بنى غفار ) فأتاه جبريل فقال : إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك القرآن على حرف، فقال : أسائل الله مغفراته وعفافه وأن أمتي لا تطيق ذلك، ثم أتاه الثانية فقال : إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك على حرفين ، قال : أسائل الله مغفراته وعفافه، وإن أمتي لا تطيق ذلك، ثم جاءه الثالثة فقال : إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك على ثلاثة أحرف، قال : أسائل الله مغفراته وعفافه وإن أمتي لا تطيق ذلك، ثم جاءه الرابعة : فقال : إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك على سبعة أحرف، فأيما حرف قرؤوا عليه فقد أصابوا.

( Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 103,- 104 )

*Ertinya : Dari Ubay bin Ka'b meriwayatkan bahwa Nabi s.a.w ketika berada di telaga atau paya Bani Ghifar, maka didatanginya oleh Malaikat Jibril serta berkata: "Sesungguhnya Allah telah memerintahkan engkau untuk membacakan Al-Qur'an kepada umatmu dengan satu huruf ", Nabi s.a.w menjawab: " Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraan dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu ". Kemudian Jibril datang kali yang kedua kepada Nabi s.a.w seraya berkata : " Sesungguhnya Allah telah memerintahkan engkau membaca untuk umatmu dengan dua huruf ", Nabi s.a.w menjawab : " Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraan dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu ". Kemudian Jibril datang lagi menemui Nabi s.a.w kali yang ketiga serta katanya: " Sesungguhnya Allah memerintah engkau membaca untuk umatmu dengan tiga huruf ", Nabi s.a.w menjawab: " Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraan dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu ". Kemudian Jibril datang lagi menemui Nabi s.a.w kali yang keempat dengan katanya : " Sesungguhnya Allah telah memerintahkan membaca*

*Al-Qur'ān kepada umatmu dengan tujuh huruf dan mana satu huruf yang mereka baca adalah dikira benar".*

Inilah hadith yang menjadi dalil kuat kepada pendapat yang kedua ini bahawa Al-Qur'ān itu dibenar atau pun diharuskan membacanya dengan tujuh huruf selepas hijrah kerana telaga atau paya Bani Ghifar itu dekat dengan Madinah.

Menurut Dr. Muhammad Salim Muhaysan di dalam bukunya " Al-Qirā'āt Wa Atharuhū Fi 'Ulūm Al-'Arabiyyat " ms : 41, menyokong golongan pertama dengan mengatakan bahawa Al-Qirā'āt itu diturunkan di Mekah berdalilkan kepada sabda Rasulullah s.a.w

أَقْرَأْنِي جِبْرِيلُ عَلَى حِرْفٍ وَاحِدٍ فَرَاجَعْتُهُ فَلَمْ أَزِلْ أَسْتَرْيدُ  
وَيَزِيدَنِي حَتَّى اَنْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

( Sahih Al-Bukhāriy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 227 / Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 101 / Syarh Al-Sunnat, 1983 M / 1403 H, Jilid 4, ms ; 501 / Al-Fath Al-Rabbaniy Litartib Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal Al-Syaibaniy, 1374 H, Jilid 18, ms ; 53 )

*Ertinya : Jibril telah membaca kepadaku dengan satu huruf maka aku kembalikan ia kepadanya, maka aku sentiasa minta tambah kepadanya, dan dia pun menambahiku sehingga tujuh huruf.*

Hadith ini dan juga hadith-hadith lain yang berhubung dengan Qirā'āt ada menunjukkan bahawa Qirā'āt ini turun di Mekah sejak bermula turunnya Al-Qur'ān Al-Karīm kepada Nabi Muhammad s.a.w . Katanya lagi kebanyakkan surah-surah Al-Qur'ān yang diturunkan di Mekah sebanyak 83 surah itu sesungguhnya diturunkan dengan tujuh Qirā'āt. Sekiranya tidak terdapat dalil yang kuat dan juga dalil yang lemah mengatakan ayat-ayat Al-Qur'ān yang diturunkan di Mekah itu

turun pula buat kali kedua di Madinah. Ini menunjukkan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Mekah itu diturunkan dengan tujuh huruf.

Penulis berpendapat bahawa kedua-dua pendapat yang tersebut di atas mempunyai dalil-dalil yang kuat berdasarkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Untuk menyatukan kedua-kedua pendapat tadi, eloklah kita katakan bahawa Al-Qir'a't itu diturunkan di Mekah sejak permulaan turun Al-Qur'an Al-Karim kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w, ia juga diturunkan di Madinah selepas penghijrahan Rasulullah s.a.w, sebab Al-Qir'a't dan Al-Qur'an itu adalah dua hakikat yang sama makna, kedua-duanya adalah Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi kita s.a.w melalui Jibril a.s.

### **2.3.2 Pembahagian Al-Qir'a't dan Jenis-jenisnya**

Menurut pendapat **Al-Qādī Jalal Al-Din Al-Bulqīniy** القاضى ( ). Al-Qir'a't itu terbahagi kepada Mutawātir ( جمل الدين البلقيني ), Ahād ( أحاد ) dan Shadh ( شاذ ) . Yang dimaksudkan dengan Mutawātir itu ialah Qir'a't tujuh ( القراءات السبع ) yang masyhur. Qir'a'at Ahad ialah Qir'a'at yang tiga yang menjadi pelengkap Qir'a'at sepuluh, dan kesemuanya dipersamakan dengan Qir'a'at para sahabat, dan manakala Qir'a'at Shadh pula adalah terdiri daripada Qir'a'at para Al-Tabi'in seperti Qir'a'at Al-'Amasy ( يحيى بن وثاب ), Qir'a'at Yahya bin Wathāb ( الأعمش ), Ibn Jubayr ( ابن حبیر ) dan lain-lain ( Muhammad 'Ali Al-Sabūniy, 1981 M / 1401 H, ms : 226 ). \*

Kata-kata di atas tadi perlu diambil perhatian. Orang yang paling layak bercakap di dalam bidang ini pada zaman tersebut ialah Imam Qurra' yang bernama Syeikh Abu Al-Khayr bin Al-Jazariy (الشيخ أبو الخير بن الجزارى). Beliau berkata di dalam mukadimah Kitabnya Al-Nasyr (النشر) " Semua Qirā'at bersesuaian dengan tata bahasa Arab walau hanya satu segi sahaja. Ia bersesuaian pula dengan salah satu mushaf 'Uthmān walaupun secara Ihtimal (kemungkinan) serta sanadnya benar. Maka Qirā'at tersebut adalah sahih (benar), yang tidak boleh ditolak dan haram pula menentangnya. Bahkan ini termasuk dalam bahagian " huruf yang tujuh " di mana Al-Qur'ān diturunkan. Semua orang wajib menerimanya, samada ia datang daripada Imam yang tujuh atau dari Imam yang sepuluh atau dari lain-lain Imam yang boleh diterima. Sekiranya ia tidak mencukupi rukun Qirā'at, maka Qirā'at itu dipanggil Qirā'at Shadh atau batil, samada ianya datang daripada Imam yang tujuh ataupun dari tokoh-tokoh yang lebih ternama lagi. Inilah pendapat yang benar menurut para Muhaqqiq daripada golongan salaf dan khalaf " (Al-Sayutiyy, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman ,1967 M / 1387 H, Jld. 1 ms : 210).

Bermacam-macam pengertian telah diberi terhadap Qirā'at. Ada yang mengertikan Al-Qirā'at ini sebagai Qirā'at Tujuh (القراءات) السبع. Ada pula mengatakan Qirā'at Sepuluh (القراءات العشر) dan ada juga golongan yang mengatakan Qirā'at Empat Belas (القراءات الأربع عشرة).

Qirā'at Tujuh ialah Qirā'at yang dinisbahkan kepada Imam Tujuh yang terkenal, mereka itu ialah Nafi' (نافع), Asim (عاصم),

Hamzat ( همزة ), Abdullah bin 'Amir ( عبد الله بن عامر ), Abdullah bin Kathīr ( أبو عمرو بن كثیر ), Abu 'Amru bin Al-'Alā' ( العلاء ) dan 'Ali Al-Kasa'i ( على الكسائي ).

Qirā'at Sepuluh ialah Qirā'at Tujuh yang tersebut di atas tadi yang telah ditambah dengan tiga Qirā'at lagi sehingga jumlahnya menjadi sepuluh. Mereka bertiga itu ialah Abu Ja'far ( أبو جعفر ), Ya'kub ( يعقوب ) dan Khalaf ( خلف ).

Manakala Qirā'at Empat Belas pula ialah Qirā'at Sepuluh yang disebut di atas tadi dan ditambah empat Qirā'at lagi sehingga jumlahnya menjadi empat belas iaitu Al-Hasan Al-Basriy ( الحسن البصري ), Ibn Maḥīṣ ( ابن محيص ), Yahya Al-Yazīdiy ( يحيى الزيدي ) dan Al-Syambūdhiy ( الشنبودي ).

Di antara ketiga-tiga Qirā'at tadi, yang paling terkenal dan paling tinggi nilai kedudukannya ialah Qirā'at Tujuh ( Muhammad 'Ali Al-Šabūniy, 1981 M / 1401 H, ms : 227 )

### 2.3.3 Pembukuan Qirā'at

Orang yang pertama menulis tentang Qirā'at serta mengumpulkannya ke dalam sebuah buku ialah Al-Imam Abu 'Ubayd Al-Qāsim bin Sallam (الإمام أبو عبيد القاسم بن سالم) pada permulaan abad ke-3 hijrah. Beliau meninggal dunia pada tahun 224 hijrah. Hasil daripada usaha beliau itu tadi maka bermulalah gerakan pembukuan ilmu Qirā'at. Di dalam bukunya yang pertama tadi, beliau telah menyenaraikan nama orang-orang yang telah menukarkan cara-cara Qirā'at daripada para sahabat

iaitu Muhajirin dan Ansar, dan daripada para ṭabi‘īn dan juga daripada ulamak-ulamak besar, Imam-iman besar atau tokoh-tokoh besar Islam kemudiannya. ( Ibn Al-Zajariy , 1961 M / 1381 H, ms : 23 - 24 ).

Orang-orang yang mula sekali menyusun dan menulis tentang Qirā‘at Tujuh sahaja ialah Abu Bakr Ahmad bin Musa bin Al-‘Abbās bin Mujahid (أبو بكر أحمد بن موسى بن مجاهد).<sup>1</sup>

Beliau telah meninggal dunia pada tahun 324 hijrah . ( Ibn Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqi, tanpa tarikh, jld. 1 , ms : 34 ).

Penulis berpendapat bahawa kedua-dua nukilan atau petikan ini tidak bertentangan atau bercanggah di antara satu sama lain. Abu ‘Ubayd Al-Qāsim bin Sallam adalah merupakan pengasas di dalam menulis ilmu Qirā‘at secara umum, sedangkan Abu Bakr Ahmad bin Musa bin Al-‘Abbās bin Mujahid merupakan pengasas di dalam menyusun dan menulis tentang ilmu Qirā‘at Tujuh sahaja. Hasil daripada usaha mereka itu, diikuti pula oleh ulamak-ulamak yang lain selepas mereka dan yang telah mengikuti jejak mereka dengan menyusun dan menulis tentang ilmu ini. Di antaranya ialah Ahmad bin Jubayr bin Muhammad Al-Kufiy, (أحمد بن جبیر بن محمد الكوفی) yang telah meninggal dunia pada tahun 258H telah mengumpul dan menulis buku mengenai Qirā‘at Lima sahaja. Karya ini berasaskan Mushaf yang terdiri daripada lima daerah sahaja iaitu Mekah, Madinah, Basrah, Kufah dan Syam. Kemudiannya, diikuti pula oleh Al-Qādi Ismail bin Ishak Al-Mālikiy (القاضی اسماعیل بن اسحاق المالکی) yang meninggal dunia pada tahun 282 H. Beliau telah mengarang

Kitab mengenai Qirā'at yang terhimpun di dalamnya Qirā'at 20 orang Qurra' termasuk Qurra' Tujuh.

Selepas itu diikuti pula oleh Al-Imam Abu Ja'far Muhammad bin Jarīr Al-Tabariy (الإمام أبو جعفر محمد بن جرير الطبرى) yang meninggal dunia pada tahun 310 H. Beliau telah mengarang sebuah buku yang bernama Al-Jāmi' (الجامع). Kitab ini mengandungi lebih daripada 20 Qirā'at.

Seterusnya pula diikuti oleh Abu Bakr Muhammad bin Ahmad bin 'Umar Al-Dājuniy (أبو بكر محمد بن عمر الداجونى) yang meninggal dunia pada tahun 324 H. Beliau telah mengumpul tentang Qirā'at dan menulis di dalam sebuah buku serta menyenaraikan nama Abu Ja'far sebagai salah seorang daripada Qurra' Sepuluh.

Ramai lagi penulis Qirā'at yang telah muncul selepas itu seperti Abu Bakr Ahmad bin Al-Husayn bin Maħrān (أبو بكر أحمد بن الحسين) yang meninggal dunia pada tahun 381 H. Beliau telah menulis buku yang berjudul "Al-Syāmil Wa Al-Ghāyat" الشامل ( ) و "Kitab Al-'Asyrat Fi Qirā'at Al-'Asyrat" كتاب العشرة ( ) و "فِي قِرَاءَاتِ الْعَشْرَةِ" ( ).

Al-Imam Abi Al-Fadhl Muhammad bin Ja'far Al-Khuza'i yang meninggal dunia pada tahun 408 H telah mengarang buku yang bernama Al-Muntahā (المتھی). Beliau telah mengumpulkan di dalam buku tersebut mengenai Qirā'at yang belum pernah dilakukan sebelumnya.

Ilmu Qirā'at ini sampai ke Andalus dan juga ke negeri-negeri sekitarnya pada akhir tahun 400 H setelah perawi-perawi Qirā'at berhijrah ke sana. Orang yang pertama yang bertanggungjawab memasuki ilmu Qirā'at ke sana ialah pengarang buku Al-Raudat (الروضة) bernama Abu 'Umar Ahmad bin Muhammad bin Abdullah Al-Talamankiy (أبو عمر أحمد بن محمد بن عبدالله الطلمانكي) yang meninggal dunia pada tahun 429 H. Kemudian diikuti pula oleh Abu Muhammad Makkiy bin Abi Talib Al-Qaysiy (أبو محمد مكى بن طالب القيسى) yang mengarang kitab Al-Tabsirat Wa Al-Kashf (التبصرة والكشف). Ia telah meninggal dunia pada tahun 437 H. Selepas itu diikuti pula oleh Al-Hafiz Abu 'Amru 'Uthmān bin Sa'id Al-Dāniy (الحافظ أبو عمرو عثمان بن سعيد الدانى) yang meninggal dunia pada tahun 444 H. Beliau telah mengarang buku Al-Taysir wa Jāmi' Al-Bayān (التسير وجامع البيان) yang membicarakan tentang Qirā'at Tujuh dan terkumpul di dalam buku tersebut lebih daripada 500 riwayat dan cara periwayatannya (Ibn Al-Jazariy, 1961 M / 1381 H, ms : 24).

Manakala Al-Ustaz Abu 'Ali Al-Hassan bin 'Ali bin Ibrahim Al-Ahwazi (الأستاذ أبو على الحسن بن علي بن ابراهيم الاهوازى) yang meninggal dunia pada tahun 446 H, telah mengarang kitab Al-Wajiz (الإيضاح), Al-'Idāh (الإيجاز), Al-'Indāh (الوجيز), Jami' Al-Masyhur (جامع المشهور) dan Al-Syadhdh (الشاذد). Manakala Abu Al-Qasim Yusuf bin 'Ali bin Jabbarat Al-Huzaliy (أبو القاسم يوسف بن علي بن جباره الهزلي) telah keluar dari Morocco menuju ke nagara sebelah timur. Beliau telah meriwayatkan daripada Imam-imam Qira'at di sana, serta mengarang buku Al-Kāmil (الكامن). Beliau juga telah mengumpul

ilmu-ilmu Qirā'at yang terlalu banyak dan telah menemui 365 orang syeikh Qirā'at. Beliau meninggal dunia pada tahun 465 H.

Pada ketika ini juga di Mekah muncul pula Abu Ma'syar Abd Al-Karīm bin Abd Al-Šamad Al-Tabariy (أبو معشر عبد الكريم بن عبد الشماد الطبرى) yang meninggal dunia pada tahun 478H. Beliau telah mengarang buku " Al-Talkhis fi Al-Qirā'at Al-Thamāni Wa Suq Al-'Arūs (التلخيص في القراءات الثمانى وسوق العروس). Beliau telah menulis di dalam kitab tersebut sebanyak 550 riwayat dan cara bacaan. Akhirnya Abu Al-Qāsim 'Isā bin Abd Al-Azīz Al-Iskandariy (أبو القاسم عيسى بن عبد العزيز الإسكندري) telah mengarang buku berjudul Al-Jāmi' Al-Akbar Wa Al-Bahr Al-Azkar (الجامع الأكابر والبحر الأذخر) yang mengandungi 7,000 riwayat dan cara periyatannya. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 629 H.

#### **2.3.4 Rukun Qirā'at**

Qirā'at yang sah (betul) mestilah memenuhi tiga rukun, rukun-rukun tersebut ialah:

- i) Qirā'at itu hendaklah menepati atau selaras dengan tatabahasa Arab, sekalipun hanya satu wajah atau cara sahaja yang diharuskan, serta tidak bercanggah dengan kaedah-kaedahnya. Yang dimaksudkan dengan menepati atau selaras dengan tatabahasa Arab ialah Qirā'at itu hendaklah selaras dengan salah satu wajah daripada kaedahnya, serta diterima oleh sebahagian pakar bahasa dan bacaan itu telah masyhur dan mempunyai sanad yang betul. Apabila Qirā'at itu mempunyai .

sifat-sifat tersebut maka ianya dikira telah mencukupi syarat tatabahasa Arab.

Ada beberapa Qirā'at yang diingkari oleh pakar tatabahasa, tetapi ianya diterima dengan **ijmak** oleh imam-imam Qurra' sebagai sah ( Ibn Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqiyy, Tanpa Tarikh, jld. 1, ms ; 10 ) seperti perkataan ( يَأْمُرُكُمْ ) dibaca dengan baris sukun atau mati huruf " إن الله يأمركم أن تؤدوا الأمانات إلى أهلها " ( يَأْمُرُكُمْ ) pada ayat ( Al-Nisa' : 58 ). Begitu juga pada perkataan ( بَارِئُكُمْ ) dibaca dengan baris sukun atau mati huruf "Hamzat" ( بَارِئُكُمْ ) pada ayat ( Al-Baqarat : 54 ), Qirā'at ini dibaca oleh Abu 'Amru tetapi ianya ditentang oleh Sibawayh ( سبويه ). Beliau adalah pakar sintaksis di Basrah dan namanya yang sebenar ialah 'Amru bin 'Uthmān bin Qanbar, Abu Basyar dan meninggal dunia pada tahun 194 H.

ii). Ia hendaklah menepati salah satu tulisan yang berdasarkan kepada Mushaf 'Uthmān, walaupun secara kemungkinan seperti bacaan Ibn 'Āmir ( ابن عامر ) pada ayat " وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا " ( Al-Baqarat : 116 ). Beliau membaca pada perkataan ( وَقَالُوا ) dengan bacaan tanpa huruf " Wau " iaitu " وَالزَّبِيرُ وَالْكِتَابُ الْمَنِيرُ ". Pada ayat " قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا " ( Ali 'Imrān : 184 ), beliau membaca ayat ini dengan menambah huruf " Ba " pada perkataan ( الْكِتَابُ ) dan ( الزَّبِيرُ ). Dengan itu bacaannya adalah seperti berikut " وَبِالْزَّبِيرِ وَبِالْكِتَابِ الْمَنِيرِ ". Bacaannya ini diterima kerana ia thabit dalam Mushaf 'Uthmān yang dikirim ke Syam. Begitu juga membaca ayat " مَلَكَ يَوْمَ الدِّينِ " ( Al-Fatihat : 4 ) yang ditulis tanpa " Alif " selepas " Mim " dalam semua

Mushaf, maka bacaan " مَلِكٌ " tanpa " Alif " diintimal seperti yang ditulis pada " مَلِكُ النَّاسِ " ( Al-Nas : 2 ) dan bacaan dengan " Alif " pula ditakdirkan seperti tulisan " مَالِكُ الْمَالِكِ " ( Āli 'Imrān : 26 ). Maka tulisan tanpa " Alif " pada " مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ " ialah untuk meringkaskan ( Muhammad Salim Muhaysan ( Dr ), 1985 M , ms : 15 )

iii). Sah sanadnya, jika tempat ambilan Qirā'at ini secara mutawātir iaitu yang bersambung-sambung Qirā'at itu hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. Yang dimaksudkan dengan sah sanad itu ialah Qirā'at itu diriwayatkan oleh satu kumpulan jama'ah yang adil, amanah, dipercayai, serta teliti dalam periwayatan mereka dan tidak mungkin berlaku pendustaan sehinggalah bacaannya sampai kepada Rasulullah s.a.w. Bacaannya juga tidak terputus sanadnya, serta tanpa berlaku sebarang keganjilan yang boleh mencacatkannya. Maka periyatannya masyhur di sisi imam Qurra', Qirā'at seperti ini dikira sah.

Di sini dapatlah difahamkan bahawa apabila Qirā'at itu memenuhi ketiga-tiga rukun yang telah disebutkan tadi, maka Qirā'at itu adalah sah iaitu betul, dan ia tidak harus ditolak dan tidak boleh diingkari, malah ia tergolong di dalam Qirā'at Tujuh yang diturunkan Al-Qur'an dan wajib diterima, samada daripada imam yang tujuh atau sepuluh atau daripada mana-mana imam yang diterima bacaan mereka. Apabila Qirā'at itu tidak mencukupi rukun-rukun tersebut, maka Qirā'at itu dikira da'if ( ضعيف ) bererti lemah atau syadh ( شاذ ) bererti ganjil dan batal. Ianya

tidak sah dibaca walaupun ia berpunca daripada imam yang tujuh ataupun imam-imam yang lain.

## **2.4 Sejarah Para Qurra' dan Riwayat Hidup Mereka**

### **2.4.1 Sejarah Para Qurra'**

Perkataan Al-Qurra' adalah kata jamak daripada perkataan Qāri (قارئ) dari segi bahasa bererti orang yang membaca. Perkataan Qāri berasal daripada kata kerja Qara'a (قرأ). Pengertian Al-Qurra' dari segi istilah ialah imam-imam yang terkenal dalam bahagian Qirā'at Al-Qur'ān (Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azim , Tanpa Tarikh, Jld. 1, ms : 456 ). Para Qurra' memainkan peranan yang sangat penting terhadap pemeliharaan pembacaan Al-Qur'ān dan kesannya yang amat besar yang dibaca sehingga hari ini umat Islam membacanya dengan baik dan betul.

Qirā'at yang mutawātir semuanya diambil daripada para Qurra' yang hafaz Al-Qur'ān dan terkenal dengan hafalan serta ketelitian mereka. Mereka adalah terdiri daripada imam-imam Qirā'at yang masyhur yang menyampaikan Qirā'at kepada kita mengikut apa yang mereka terima daripada sahabat Rasulullah s.a.w. Para sahabat r.a pula mempelajari daripada Rasulullah s.a.w. Para Qurra' memiliki keutamaan ilmu dan pengajaran tentang kitab suci Al-Qur'ān sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. " خيركم من تعلم القرآن وعلمه " ( Tuhfat Al-Ahwadhiy Bisyarh Jami' Al-Tirmidhiy, 1967M / 1387 H, Jilid 8, ms : 222 / Al-Darimiyy, Abdullah bin Abd Al-Rahman bin Al-Fadl bin Bahram ibn Abd Al-

Samad Al-Tamīmiy Al-Samarqandiy , Tanpa Tarikh, Jilid 2 , ms : 437 ).

*Ertinya: Sebaik-baik orang di antara kamu adalah orang yang mempelajari Al-Qur'an dan mengajarkannya.*

Ramai para Qurra' yang termasyhur di kalangan sahabat r.a di antaranya ialah Saidina 'Uthmān bin 'Affān r.a, Saidina 'Ali bin Abu Ṭalib k.w, Ubay bin Ka'b, Zaid bin Thabit, Ibn Mas'ud, Abu Darda' dan Abu Musa Al-Asy'ari. Mereka inilah yang dihantar oleh Saidina 'Uthmān r.a bersama-sama Mushaf ke daerah-daerah negara Islam ( Ibn Al-Jazariy, 1961M / 1381 H, ms : 19 ). Begitu juga dengan para tabi'in, ramai para Qurra' yang termasyhur di kalangan mereka di antaranya ialah:

### i. Di Madinah

Ibn Al-Musayyib ( عروة ), Salim ( سالم ), 'Urwa b. 'Ammār ( عروة ), 'Umar bin 'Abdul 'Azīz ( عمر بن عبد العزيز ), Sulayman bin Yasār ( سليمان بن يسار ), Mu'az bin Al-Hārith ( معاذ بن الحارث ), 'Abd Al-Rahman bin Hurmuz Al-'Arāj ( عبد الرحمن بن هرمز الأعرج ), Ibn Shāhāb ( ابن شهاب ), Ibn Syihab Al-Zuhriy ( عبد الرحمن بن هرمز الأعرج ), Muslim bin Jundub ( مسلم بن جندب ) dan Zayd bin Aslam ( زيد بن أسلم ).

### ii. Di Mekah

Terdiri daripada 'Ubayd bin 'Umār ( عبيد ابن عمير ), 'Atā' bin Abi Rabāḥ ( عطاء بن أبي رباح ), Tāwūs ( طاووس ), Mujāhid ( مجاهد ), 'Ikrimah ( إكرمـة ) dan Ibn Abi Mulaykah ( ابن أبي مليكة ).

### iii. Di Kufah

Terdiri daripada ‘Alqamat<sub>ٌ</sub> ( الأَقْمَاتِ ), Al-Aswad ( أَسْوَادِ ), Masrūq<sub>ٌ</sub> ( مَسْرُوقَ ), ‘Ubaydat<sub>ٌ</sub> ( عَبِيْدَةَ ), ‘Amrū bin Shurahbil ( أَمْرُو بْنُ شُرَهْبِيلَ ), Hārith bin Qays ( حَارِثَ بْنَ قَيْسَ ), Al-Rumayh bin Khaitham ( الرَّمِيعَ بْنَ خَيْثَمَ ), Amru bin Maimūn ( أَمْرُو بْنَ مَيْمُونَ ), Abu ‘Abd Al-Rahman Al-Salmiy<sub>ٌ</sub> ( أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ السَّلْمِيَ ), Zur’bin Hubaysy ( زَرْ بْنُ حَبِيشَ ), ‘Ubaydat<sub>ٌ</sub> bin Nuḍaylat ( عَبِيْدَةَ بْنَ نُضِيلَةَ ), Sa‘id bin Jubayr ( سَعِيدَ بْنَ جَبَيرَ ), Al-Nakha‘i ( النَّخْعَى ) dan Al-Sya‘bi ( الشَّعْبِيَ ).

### iv. Di Basrah

Terdiri daripada Abu Al-‘Aliyat<sub>ٌ</sub> ( أَبُو الْعَالِيَّةَ ), Abu Rājā’ ( أَبُو رَجَاءَ ), Nasr bin ‘Āsim ( نَصْرَ بْنَ عَاصِمَ ), Yahya bin Ya‘mūr ( يَحْيَى بْنَ يَعْمَرَ ), Al-Hasan ( حَسَنَ ), Ibn Sirīn ( إِبْنُ سِيرِينَ ) dan Qatadat<sub>ٌ</sub> ( قَتَادَةَ ).

### v. Di Syam

Terdiri daripada Al-Mughirat<sub>ٌ</sub> bin Syihāb Al-Makhzūmī sahabat ‘Uthmān ( الْمُغِيرَةَ بْنَ شَهَابَ الْمَخْزُومِيَ صَاحِبُ عُثْمَانَ ) dan Khalifah bin Sa‘d sahabat Abi Al-Dardā’ ( خَلِيفَةَ بْنَ سَعْدَ صَاحِبُ أَبِي الدَّرْدَاءِ ).  
( Muhammad Rasyad Khalifa<sub>ٌ</sub> ( Dr ), Tanpa Tarikh, ms : 41 )

Selain daripada para Qurra' yang termasyhur di kalangan tābi‘īn yang tersebut di atas tadi masih ada lagi Qari-qari yang masyhur sehingga menjadi imam-imam Qirā'āt Al-Qur'ān dan mereka ini belajar daripada tābi‘īn, mereka itu ialah:

#### i. Di Mekah

Terdiri daripada Abdullah bin Kathir (عبدالله بن كثیر), Humayd bin Qais Al-'Araj (حميد بن قيس الأعرج) dan Muhammad bin Abi Muhayyin (محمد بن أبي محييin).

#### ii. Di Madinah

ابو جعفر يزيد بن (أبي جعفر يزيد بن) 'Abu Ja'far Yazid bin Al-Qa'qā', syaybat bin Naṣṣā' (شيبة بن نصاع) dan Nafi' bin Abi Nu'aym (نافع بن أبي نعيم).

#### iii. Di Kufah

Terdiri daripada Yahya bin Wathāb (يحيى بن وثاب), Asim bin Abi Al-Nujud (عاصم بن أبي النجود), Sulayman Al-Amasy (سليمان الأمسى), Hamzat (Hamza) dan Al-Kasa'i (الكسائى).

#### iv. Di Basrah

Terdiri daripada Abdullah bin Abi Ishāq (عبدالله بن أبي إسحاق), 'Isā bin 'Amru (إسحاق بن عمرو), Abu 'Amrū bin Al-'Alā' (أبو عمرو بن الألاء), Aṣim Al-Jahuri (عاصم الجحوري) dan Ya'kub Al-Hadramiy (يعقوب الحضرمي).

## v. Di Syam

Mereka di Syam terdiri daripada Abdullah bin ‘Amir (عبدالله بن امیر), Atiyyat bin Qays Al-Kilabiy (عطيه بن قيس الكلبي), Ismail bin Abdullah Al-Muhajir (اسماويل بن عبدالله المهاجر), Asma'iyel bin Yahya bin Al-Harith Al-Dhammari (اسماعيل بن يحيى بن الحارث الدماري) dan Syurayh bin Yazid Al-Hadramiy (شريح بن يزيد الحضرمي).

Di antara tokoh-tokoh imam Qurra' yang masyhur yang disebutkan di atas tadi, hanya terdapat tujuh imam sahaja yang paling menonjol dan termasyhur di kalangan mereka. Imam-imam tersebut ialah Nafi' bin Abi Nu'aym (نافع بن أبي نعيم), Abdullah bin Khathir (عبدالله بن كثير), Abu 'Amru (أبو عمرو), Ibn 'Amir (ابن عامر), Asim (عاصم), Hamzat (حمزة) dan Al-Kasa'i (الكسائى). Ini dapat dilihat di dalam kitab Al-Tibyān Fi 'Ulūm Al-Qur'ān (التبیان فی علوم القرآن) karangan Muhammad 'Ali Al-Šabuniy, ms : 228, di mana Syeikh Abu Yusri 'Abidin telah menegaskan tentang kehebatan dan kemasyhuran imam-imam yang tujuh tadi di dalam dua bait syairnya yang berbunyi :-

فนาۡفِعُ وَابْنُ كَثِيرٍ وَعَاصِمٌ وَحَمْزَةٌ

ثُمَّ أَبُو عَمْرٍ وَهُوَ هُمُو

مَعَ ابْنِ عَامِرٍ أَتَى الْكَسَائِيَّ

أَنْمَةَ السَّبْعِ بِلَا اِمْتِرَاءَ

*Ertinya:*

*Nafi', Ibn Kathir, 'Asim dan Hamzat*

*Abu 'Amr, Ibn 'Amir dan Kisa'*

*Itulah tujuh imam*

*Yang tidak diragukan lagi*

Para imam Qirā'āt ini muncul di awal abad kedua Hijrah. Mereka ini terkenal dengan sifat amanah, dipercayai, teliti dan sentiasa berdamping dengan Al-Qur'ān. Qirā'āt yang disandarkan kepada mereka itu terkenal dengan panggilan Qirā'āt Tujuh. Di samping Qirā'āt Tujuh yang masyhur tadi, terdapat juga Qirā'āt Sepuluh dan Qirā'āt Empat Belas. Adapun Qirā'āt Sepuluh ialah Qirā'āt Tujuh yang masyhur tadi ditambah dengan tiga Qirā'āt lagi iaitu Qirā'āt Ya'kub (قراءة يعقوب), Qirā'āt Khalaf bin Hisyām (قراءة خلف بن هشام) dan Qirā'āt Yazid bin Al-Qa'Qā' yang terkenal dengan nama Abi Ja'far (قراءة يزيد بن القعاع المشهور بابي جعفر).

Manakala Qirā'āt Empat Belas pula ialah Qirā'āt Sepuluh yang tersebut di atas tadi dicampurkan dengan empat Qirā'āt lagi iaitu Qirā'āt Al-Hasan Al-Basriy (قراءة الحسن البصري), Qirā'āt Muhammad Abd Al-Rahman yang terkenal dengan nama Ibn Muhayṣin (قراءة محمد بن عبد الرحمن المعروف بابن محيصن), Qirā'āt Yahya bin Al-Mubarak Al-Yazidiy (قراءة يحيى بن المبارك اليزيدي) dan Qirā'āt Abi Al-Faraj Muhammad bin Ahmad Al-Syambudhiy (قراءة أبي الفرج محمد بن أحمد الشنبوذى). (Subhi Al-Šoleh (Dr), 1964 M, ms : 250)

#### 2.4.2 Riwayat hidup Qāri-qāri yang Tujuh

Pertama: IBN KATHIR (ابن كثير)

Nama lengkapnya ialah **Abi Ma'bad Abdullah bin Kathir bin 'Amru bin Abdullah bin Zadhan bin Fayuzan bin Hurmuz Al-Dāriy Al-Makkiy**

أبى معبد عبد الله بن كثير بن عمرو بن عبد الله بن زاذان  
بن فيروزان بن هرمز الدارى المكى

( Ibn Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad , Tanpa Tarikh, jld. 1 , ms : 120 )

Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 45 H dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 120H. Beliau juga imam Qirā'at di kalangan penduduk Mekah dan seorang tābi'īn yang pernah bertemu dengan beberapa orang sahabat di antaranya Abdullah bin Al-Zubayr (أبو أبوبالأنصارى), Abu Ayyub Al-Anṣariy (عبدالله بن الزبير), dan Anas bin Malik (أنس بن مالك) (Muhammad 'Ali Al-Šabūniy, 1981 M / 1401 H, ms : 229 ). Beliau adalah ulamak lapisan ketiga.

Ibn Kathir mempelajari Al-Qur'ān dan Al-Qirā'at daripada Abdullah bin Al-Sā'ib bin Abi Al-Sā'ib Al-Makhzumiy (عبدالله بن ), السائب بن أبي السائب المخزومي ( ), dan manakala Abdullah bin Al-Sa'ib pula mempelajari Al-Qur'ān daripada Ubay bin Ka'b dan 'Umar bin Al-Khattab. Mereka berdua ini pula mempelajari Al-Qur'ān daripada Rasulullah s.a.w. Dengan ini bererti bahawa Qirā'at\_ Ibn Kathir adalah mutawātir dan sanadnya bersambung daripada Rasulullah s.a.w. Ibn Al-Jazariy berkata: " Ibn Kathir imam Qirā'at di Mekah Al-Mukarramat\_ yang tidak ada tandingannya " . Manakala Ibn Mujahid pula memberi komen dengan berkata bahawa Ibn Kathir kekal sebagai imam Qirā'at yang menjadi tumpuan manusia hingga ke hari wafatnya. Di antara murid-muridnya yang masyhur yang menjadi perawi Qirā'atnya ialah Al-Bazziy (البازى ) dan Qunbul ( قبل ).

### i. Al-Bazziy ( البزى )

Nama penuhnya ialah Ahmad bin Muhammad bin Abdullah bin Al-Qāsim ( احمد بن محمد بن عبدالله بن القاسم ). Beliau ialah imam Qira 'at dan mu'azzin (tukang azan/bilal) di Masjid Al-Haram. Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 170 H dan paling banyak meriwayatkan Qira'at Ibn Kathiir. Beliau meninggal dunia pada tahun 250 Hijrah.

### ii. Qunbul ( قبل )

Nama penuhnya ialah Muhammad bin Abd Al-Rahman bin Muhammad bin Khalid bin Sa'īd Al-Makhzumi ( محمد بن عبد الرحمن بن محمد بن خالد بن سعيد المخزومي ) ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ), 1402 H , ms : 70 ). Beliau ialan imam di dalam Qira'at dan ramai orang-orang yang pergi belajar dengannya. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 291 H.

## Kedua: ABU 'AMRU BIN AL-'ALA'

Nama lengkapnya ialah Zabban bin Al-'Alā' bin 'Ammār bin Al-'Aryān Al-Maziniy, Al-Tamīmiy, Al-Bas̄riy ( زبان بن العلاء بن عمار بن العريان المازني التميمي البصري ). Beliau yang juga bernama Yahya telah dilahirkan di Mekah pada tahun 30 H dan dibesarkan di Basrah, kemudian pergi ke Mekah dan Madinah bersama bapanya.

Al-Imam Ibn Al-Jazariy telah memberi komen bahawa Abu 'Amru bin Al-'Alā' ialah seorang yang sangat pakar dalam Al-Qur'an dan bahasa Arab, berakhlaq mulia iaitu bersifat benar, thiqat (dipercayai), amanah dan kuat berpegang kepada agama (komited dengan agama) ( Sya'ban Muhammad Isma'il (Dr ), 1402 H, ms : 70 ).

Abu 'Amru mempelajari Al-Qur'ān daripada Abi Ja'far (أبى جعفر), Syaibat bin Nassāh (شيبة بن ناصح), Nafi' bin Abu Nu'aym (نافع), Abdullah bin Kathir (عبدالله بن كثیر), 'Asim bin Abu Al-Nujud (阿森 بن أبو النجود), Abu Al-'Aliyat (أبو العالية). Abu Al-'Aliyat pula belajar Al-Qur'ān daripada 'Umar bin Al-Khaṭṭab, Ubay bin Ka'b, Zaid bin Thabit dan Abdullah bin 'Abbās. Kesemua mereka ini mempelajari Al-Qur'ān daripada Rasulullah s.a.w. Beliau meninggal dunia di Kufah pada tahun 154 H. Dengan kematiannya maka berakhirlah imam Qirā'āt di Basrah. Perawi yang masyhur dari Qirā'āt Abu 'Amru ialah Al-Duriy (الدوري) dan Al-Susiy (السوسى).

#### i. Al-Duriy (الدوري).

Nama penuhnya ialah Hafṣ bin 'Umar bin 'Abdul 'Azīz bin Saḥbān bin 'Adī Al-Duriy Al-Azdiy, Al-Naḥwiyy, Al-Baghdadiy (حفص بن عمر ، الدورى الأزدى، النحوى، البغدادى). Ben Abdulaziz bin Suhayb bin 'Uthaymīn bin 'Uthaymīn (بن عبدالعزيز بن سهبان بن عثيمين) diambil daripada nama satu tempat kira-kira di timur laut kota Baghdad. Beliau adalah imam Qirā'āt pada masanya dan meninggal dunia pada tahun 246 H.

-

## ii. Al-Susiy ( السوسي ).

Nama penuhnya ialah Şöleħ bin Ziyad bin Abdullah bin Isma'īl bin صالح بن زياد بن عبد الله بن اسماعيل بن الجارود، ( ) Al-Susiy ( السوسي ). Al-Sus ialah nama satu tempat bandar di Ahwaz ( اهواز ). Beliau dipanggil dengan gelaran Abu Syu'ayb ( أبو شعيب ) dan meninggal dunia pada tahun 261 H.

## Ketiga: NAFI' AL-MADANI ( نافع المداني ).

Nama penuhnya ialah Nafi' bin Abd Al-Rahman bin Abi Nu'aym Al-Laithī ( نافع بن عبد الرحمن بن أبي نعيم الليثي ). Beliau terkenal dengan gelaran Abu Ruwaym ( أبو رويم ), berasal dari Asfahan ( أصفهان ). Beliau yang dilahirkan pada tahun 70 H adalah seorang yang salih lagi dipercayai dan hitam warna kulitnya. Ia juga adalah imam Qirā'at di Madinah. Nafi' telah mempelajari Qirā'at daripada 70 orang tābi'in, di antara mereka itu ialah Abu Ja'far ( أبو جعفر ), Abd Al-Rahman bin Hurmuz Al-'Araj ( عبد الرحمن بن هرمز الأرج ), Muslim bin Jundub ( مسلم بن جندب ), Muhammad bin Muslim bin Syihāb Al-Zuhriy ( محمد بن مسلم بن ) صالح بن خوات ( شهاب الزهرى ), Şöleħ bin Khawat ( سعيد بن خوات ), Syaibat bin Nassah ( شيبة بن نصاح ), Yazid bin Ruman ( يزيد بن رومان ), Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqiy, tanpa tarikh, jld. 1, ms : 112, ) dan mereka ini mempelajari Qirā'at daripada Abu Hurayrat, Abdullah bin 'Abbas dan Abdullah bin 'Ayyasy bin Abi Rabi'at Al-Makhzumi ( عبد الله بن عياش بن أبي ربيعة المخزومي ). Ketiga-tiga mereka ini telah mempelajari daripada Ubay bin Ka'b yang telah mempelajari terus daripada Rasulullah s.a.w ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ), 1402 H, ms : 67 ).

Beliau menjadi guru Qirā'āt di Madinah selama 70 tahun. Ramai orang datang belajar dengannya kerana ia mempunyai keahlian di dalam bidang Qirā'āt Al-Qur'ān di samping suaranya yang baik dan merdu. Yang paling menarik ialah setiap kali ia berkata dengan seseorang selalu dimulai dengan senyum manis. Nafi' mempunyai bilangan penuntut yang ramai yang mempelajari Qirā'āt daripadanya. Di antaranya ialah Imam Malik bin Anas, Al-Laith bin Sa'd (الليث بن سعد), Abu 'Amru bin Al-'Alā' (أبو عمرٍو بن العلاء), Isā bin Wardān (عيسى بن وردان), dan Sulayman bin Jammāz (سليمان بن جمّاز). Beliau meninggal dunia pada tahun 169 H.

Di antara perawi yang masyhur dari Qirā'āt Nafi' ialah Qālūn (قالون) dan Warasy (ورش).

#### i. Qālūn (قالون)

Nama penuhnya ialah Isā bin Minā bin wardān bin Isā bin Abd Al-Samad (عيسى بن مينا بن وردان بن عيسى بن عبد الصمد). Beliau dilahirkan pada tahun 120 H. Anak saudara isterinya dikatakan telah menggelarnya dengan panggilan Qālūn disebabkan bacaannya yang sangat bagus dan elok.

Perkataan " Qālūn " ini berasal dari bahasa Rum yang memberi erti " bagus atau baik .

Qālūn adalah seorang Qāri' di Madinah yang sangat pekak sehingga bunyi terompet pun tidak terdengar olehnya, tetapi kalau dibacakan Al-Qur'ān kepadanya ia mendengar dengan baik

dan jelas ( Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad , Al-Dimasyqiy, tanpa tarikh, jld. 1, ms : 112 ). Qalun telah mempelajari Al-Qur'an daripada Nafi' selama 50 tahun dan beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 220 H di masa pemerintahan Khalifah Al-Ma'mūn ( المأمون ).

## ii. Warasy ( ورثي ).

Nama penuhnya ialah 'Uthmān bin Sa'īd bin Abdullah Al- Maṣriy ( عثمان بن سعيد بن عبد الله المصري ). Beliau dilahirkan pada tahun

110 H, dipanggil dengan panggilan Abu Sa'īd serta mendapat gelaran Warasy kerana bersangatan putih orangnya. Warasy adalah orang paling baik atau sedap bacaan dan fasih sebutannya ( Sya'bān Muhammad Isma'il ( Dr ) 1402 H, ms : 68 ).

Ia telah berhijrah ke Madinah kerana ingin mempelajari Qirā'at Al-Qur'an daripada Nafi'. Setelah beliau khatam Al-Qur'an sebanyak 4 kali daripada Nafi' barulah dia kembali ke Mesir pada tahun 155 Hijrah. Apabila dia membaca Al-Qur'an orang datang berduyun-duyun mendengar bacaannya sehingga orang tidak pernah bosan mendengarnya. Ia meninggal dunia pada tahun 197 H.

## Keempat: 'ASIM AL-KUFIY ( عاصم الكوفي )

Nama penuhnya ialah Abu Bakr 'Aṣim bin Abi Al-Nujud Al-Asdiy ( أبو بكر عاصم بن أبي النجود الأستي ) ( Muhammad Rasyad Khalifat ( Dr ), tanpa tarikh, ms : 44 ). Bapanya dikatakan bernama Abdullah. Beliau digelarkan Abu Al-Nujud, disebut juga dengan

Ibn Bahdalat ( بهلة ) dan dipanggil Abu Bakr. Dia adalah seorang tābi'īn.

'Āsim belajar Qirā'āt Al-Qur'ān pada Abu Abd Al-Rahman bin Abdullah Al-Salmiy (أبو عبد الرحمن بن عبدالله السلمي), Zir bin Hubaysy Al-Asdiy (زر بن حبيش الأسدى) dan Abu 'Umar Sa'd bin Ilyas Al-Shaybaniy (أبو عمر سعد بن الياس الشيباني). Ketiga mereka ini telah mempelajari daripada Abdullah bin Mas'ud (عبد الله بن مسعود). Abu Abd Al-Rahman Al-Salmiy dan Zir bin Hubaysy telah belajar Qirā'āt Al-Qur'ān daripada 'Uthman bin 'Affān dan 'Ali bin Abu Talib dan Abu Abd Al-Rahman Al-Salmiy juga mempelajari Qirā'āt Al-Qur'ān daripada Ubay bin Ka'b dan Zaid bin Thabit. Kesemua mereka ini telah belajar Qirā'āt Al-Qur'ān daripada Rasulullah s.a.w (Syab'an Muhammad Isma'il (Dr) 1402 H, ms : 74 - 75). Beliau adalah seorang yang fasih (petah), kemas bekerja, elok bacaan dan mempunyai suara yang merdu. Abdullah bin Ahmad bin Hanbal (عبد الله بن احمد بن حنبل) berkata:

Pernah aku bertanya ayahku tentang peribadi 'Āsim ini. Ayahku berkata: Beliau adalah seorang lelaki yang soleh dan dipercayai (thiqat). (Ibn Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad, Al-Dimasyqiyy, Tanpa Tarikh, Jilid 1, ms : 155).

'Āsim menjadi imam Qirā'āt di Kufah selepas gurunya Abu Abd Al-Rahman Al-Sulami. Beliau juga terkenal dengan ilmu hadith dan meninggal dunia pada tahun 127 H di Kufah.

Di antara perawi Qirā'āt 'Āsim yang masyhur ialah Syu'bat (شعبۃ) dan Hafs (حفص).

### i. Syu'bat ( شعبة ).

Nama lengkapnya ialah Abu Bakr bin 'Ayyāsy bin Salim Al-Asdiy (أبو بكر بن عياش بن سالم الأسدى). Beliau dilahirkan pada tahun 95 H. Syu'bat ialah imam Qirā'at yang sangat alim pada zamannya. Ketika beliau hampir wafat maka menangislah saudara perempuannya lalu ia berkata : " Mengapa engkau menangis wahai saudaraku? Lihatlah ke sudut itu, sesungguhnya aku berhasil menamatkan bacaan Al-Qur'ān sebanyak 18 ribu kali " Beliau meninggal dunia pada tahun 193 H.( Ibn Al-Jazariy, Abi Al-khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqiy, tanpa tarikh, Jld. 1, ms : 156)

### ii. Hafs ( حفص ).

Nama lengkapnya Hafṣ bin Sulayman bin Al-Mughirat bin Abi Dāwud Al-Asdiy Al-Kufiy ( حفص بن سليمان بن المغيرة بن أبي داود الأسدى الكوفى ). Beliau dilahirkan pada tahun 90 H ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ) 1402 H, ms : 76 ). Beliau anak tiri 'Āsim. Di dalam salah satu riwayat disebutkan bahawa pada mulanya Hafṣ ini sangat lemah di dalam pelajaran. Gurunya 'Āsim mengajarkan Al-Qur'ān kepadanya sedikit demi sedikit tetapi akhirnya beliau telah berhasil dengan cemerlang sehingga menjadi seorang ahli Qirā'at yang masyhur. Beliau meninggal dunia pada tahun 180 H.

### Kelima: HAMZAT AL-KUFIY ( حمزة الكوفي ).

Nama lengkapnya ialah Abu 'Umārat Hamzat bin Habib Az-Zayyat Al-Kufiy Maula 'Ikrimat ibn Rabi' Al-Tamīmiy ( أبو عمارة الحمزة الكوفي ).

( حمزة بن حبيب الزيات الكوفي مولى عكرمة ابن ربيع التميمي

(Muhammad Rasyad Khalifah(Dr), tanpa tarikh, ms : 45). Beliau yang dilahirkan pada tahun 80 H adalah imam Qirā'at Al-Qur'ān di Kufah selepas 'Āsim dan Al-'Amasy ( الأعمش ). Di samping qāri beliau juga adalah seorang yang warak dan ahli Hadith yang thiqat ( ثقة ) dan menghafaz berpuluhan-puluhan ribu hadith. Beliau juga ahli dalam ilmu Fara'idh dan bahasa Arab.

Imam Abu Hanifah pernah berkata kepadanya : " Dalam dua perkara kamu mengatasi kami dan kami tidak dapat menewaskan kamu, Al-Qur'ān dan Fara'idh ", dan gurunya Al-'Amasy apabila melihatnya ia berkata : " Ini adalah dakwat Al-Qur'ān " ( Ibn Al-Jazariy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqiyy, tanpa tarikh, Jilid 1, ms : 166).

Hamzat\_ telah mempelajari Al-Qur'ān daripada Abu Muhammad Sulayman bin Mahrān Al-'Amasy(أبو محمد سليمان بن مهران الأعمش). Al-'Amasy pula belajar daripada Yahya bin Wathāb ( يحيى بن وثاب )

Yahya belajar daripada Zir bin Hubaysy dan Zir bin Hubaysy pula belajar daripada 'Uthman, 'Ali dan Ibn Mas'ud. Ketiga-tiga mereka ini belajar daripada Rasulullah s.a.w. Beliau meninggal dunia pada tahun 156 H.

Di antara perawi Qirā'at Hamzat\_ yang masyhur ialah Khalaf ( خلف ) dan Khalād ( خلاد ).

### i. Khalaf ( خلف ).

Nama penuhnya ialah Khalaf bin Hisyam bin Tha'lab Al-Asdiy ( خلف بن هشام بن ثعلب الأسدى ) telah dilahirkan pada tahun 150 H ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ) 1402 H, ms : 76 ). Ketika berumur sepuluh tahun beliau telah menghafaz Al-Qur'an, apabila umurnya mencapai tiga belas tahun beliau telah mempelajari bermacam-macam cabang ilmu pengetahuan. Khalaf yang meninggal dunia pada tahun 229 Hijrah adalah seorang ulamak yang zuhud dan imam Qirā'at Al-Qur'an .

### ii. Khalād ( خلاد ).

Nama penuhnya ialah Khalād bin Khālid Al-Sayabaniy Al-Šayarfiy Al-Kūfiy ( خلاد بن خالد الشيباني الصيرفي الكوفي ), bergelar Abu 'Isā, dilahirkan pada tahun 130 Hijrah dan meninggal pada tahun 220 H. ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ), 1402 H, ms : 78 ).

### Keenam: IBN 'AMIR ( ابن عامر ).

Nama lengkapnya ialah Abdullah bin 'Amir bin Yazid bin Tamim bin Rabi'at Al-Yahṣubiy ( عبد الله بن يزيد بن تميم بن ربعة يحيى ), dilahirkan pada tahun 8 H ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ), 1402 H, ms : 72 ). Beliau terkenal dengan panggilan Abu Nu'aym ( أبو نعيم ) dan Abu 'Imrān ( أبو عمران ).

Menurut pendapat Ibn Al-Jazariy di dalam kitabnya " Al - Nasyr Fi Al - Qirā'at Al - 'Asyr, jld. 1, ms : 144. " Beliau adalah seorang imam besar, seorang ḥāfiẓ yang mulia, terkenal dengan keilmuannya, menjadi imam di Masjid Umawi ( الجامع الاموي ) bertahun-tahun di zaman 'Umar Abd Al-'Aziz dan selepasnya ".

Beliau terkenal sebagai imam Qirā'at di kalangan penduduk Syam. Pada Ibn 'Āmir terdapat beberapa perkara iaitu Imam, Qādi dan guru Qirā'at Al-Qur'ān di Damsyiq. Damsyiq ketika itu adalah tempat pertemuan ulamak dan tabi'in.

Ibn 'Āmir telah mengambil Qirā'at Al-Qur'an secara bersemuka dan menelitiinya daripada Abu Al-Darda' (أبو الدرداء) seorang muqri di Syam dan juga Al-Mughirat bin Abi syihāb Al-Makhzumi (المغيرة بن أبي شهاب المخزومي). Kedua mereka mengambil terus daripada Saidina 'Uthmān, dan Ibn 'Āmir juga dikatakan membaca kepada Saidina 'Uthmān. Di antara para sahabat yang ditemui olehnya ialah Nu'mān bin Basyīr (نعمان بن بشير) dan Wāthilat bin Al-Asqa' (واثلة بن الأسعف) (Subhi Soleh (Dr), 1964 M, ms : 248). Beliau meninggal dunia pada tahun 118 H. Di antara perawi-perawi Qirā'at Ibn 'Āmir yang masyhur ialah Hisyam (هشام) dan Ibn Zakuwan (ابن ذكروان).

#### i. Hisyam (هشام)

Nama penuhnya ialah Hisyam bin 'Ammār bin Nusayr bin Maysarat Al-Salmiy Al-Dimasyqi (مسرة السلمي الدمشقي), beliau yang terkenal dengan panggilan Abu Al-Walid (أبو الوليد) (Sya'ban Muhammad Isma'il (Dr), 1402 H, ms : 73), dilahirkan pada tahun 153 H.

Hisyam adalah seorang yang sangat alim di kota Damsyiq, beliau pernah menjadi Qādi, Mufti dan guru Qirā'at Al-Qur'ān serta

terkenal di dalam bidang ilmu hadith. Ia meninggal dunia pada tahun 245 H.

### ii. Ibn Zakuwan ( ابن ذکوان )

Nama penuhnya ialah Abdullah bin Ahmad bin Bisyr, dikatakan juga Basyir bin Zakuwan bin 'Umar Al-Qurasyiy, Al-Dimasyqiy (عبدالله بن احمد بن بشر ويقال: بشير ابن ذکوان بن عمر القرشى الدمشقى) ( Sya'ban Muhammad Isma'il ( Dr ), 1402 H, ms : 74 ) . Beliau yang dikenali dengan panggilan Abu 'Amru ( ابو عمرو ) telah dilahirkan pada tahun 173 H. Ia menjadi seorang guru Qira'at Al-Qur'an di Syam dan menjadi Imam di Masjid Umawi ( الجامع الأموي ). Abu Zar'at Al-Hafiz Al-Dimasyqiy ( ابو زرعة الحافظ ) berkata bahawa di Damsyiq ketika itu tidak ada satupun yang lebih baik Qira'atnya daripada Ibn Zakuwan, samada di Iraq, Hijaz, Syam, Mesir mahupun di Khurasan. Beliau meninggal dunia pada tahun 202 H.

### Ketujuh: AL-KASA'I AL-KUFIY ( الکسانی الكوفی )

Nama lengkapnya Abu Al-Hasan 'Ali bin Hamzat Al-Kasa'i Al-naħwiyy ( ابو الحسن على بن حمزه الکسانی النحوی ) ( Muhammad Rasyad Khalifat ( Dr ), Tanpa Tarikh, ms : 46 ). Beliau berasal dari Kufah. Tarikh lahirnya tidak diketahui.

Al-Kasa'i seorang ulamak besar yang masyhur. Beliau juga adalah ahli dalam ilmu sintaksis dan ilmu Bahasa, semasa di Baghdad, beliau ditugaskan mengajar dan mendidik anak-anak Khalifah Harun Al-Rasyid iaitu Al-Ma'mūn dan Al-Amin ( المأمون )

( ) وَالْأَمِين . Abu Bakr Al-Anbari berkata: " Pada Al-Kasa'i terhimpun beberapa perkara: orang yang paling alim tentang sintaksis, orang yang paling arif tentang gharib (gharib Al-Qur'an) dan Al-Qur'an. Orang ramai berpusu-pusu mendapatkannya sehingga beliau terpaksa duduk di kerusi membaca Al-Qur'an dari awal hingga akhir." Imam Shafi'e r.a berkata: " Sesiapa yang ingin mendalam dan meluaskan ilmu sintaksisnya, sudah mencukupi belajar dengan Al-Kasa'i " ( Muhammad Rasyad Khalifat<sup>1</sup> ( Dr ), Tanpa Tarikh, ms : 46 ). Al-Kasa'i telah mempelajari Qirā'at Al-Qur'an daripada Hamza<sup>2</sup> bin Habīb Al-Zayyāt ( حمزة بن حبيب ), Muhammad bin Abd Al-Rahman bin Abi Laili ( محمد بن الزيات ), Muhammad bin 'Ayyasy ( عاصم بن أبي النجود ), Asim bin Abi Al-Nujud ( أبى الرحمن بن أبي ليلى ), dan Abu Bakr bin 'Ayyasy ( أبو بكر بن عياش ). Beliau adalah salah seorang murid Imam 'Āsim. Al-Kasa'i meninggal dunia pada tahun 189 H.

Di antara muridnya yang menjadi perawi Qirā'at Al-Kisa'i ialah Abu Al-Hārith ( أبو الحارث ) dan ... Al-Dauriy ( الدورى ).

#### i. Abu Al-Hārith ( أبو الحارث ).

Nama penuhnya ialah Al-Laith bin Khalid Al-Marwaziy Al-Baghdadiy ( الليث بن خالد المروزي البغدادي ) yang terkenal dengan panggilan Abu Al-Hārith adalah murid dan sahabat kepada Al-Kasa'i telah meninggal dunia pada tahun 240 H.

ii. Al-Dauriy ( الدورى ).

Hafs bin ‘Umar bin Abd ‘Azîz bin Şahbân bin ‘Adî Al-Dauriy Al-Azdiy , Al-Nâhiyy , Al-Baghdadiy ( حفص بن عمر بن عبدالعزيز بن عاصي الدورى الأزدي النحوى البغدادى adalah nama penuh beliau. Al-Daur ini diambil daripada nama satu tempat di Timur Laut Kota Baghdad. Beliau meninggal dunia pada tahun 246 H. Beliau telah meriwayatkan qirâ'at Al-Kasa'i dan juga qirâ'at Abu ‘Amru bin Al-‘Alâ'.